



**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
KONVENSYEN USAHAWAN SISWA (KUS 1.0)  
ANJURAN KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA (UCAM)**

**YANG BERTHORMAT RINA MOHD HARUN  
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**30 SEPTEMBER 2018 (AHAD)  
10.00 PAGI  
KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA, ALOR GAJAH MELAKA**

**1. Y. Berhormat**

**Exco**

**2. Y.Bhg. Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad**

**Ketua Pengarah RISDA**

**3. Y.Bhg. Datuk Dr. Faridah Hanam binti Mohd Rashid**

**Naib Canselor Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM)**

**4. Y.Bhg. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah RISDA**

**5. Yang Dikasihi Warga Kerja UCAM serta Siswa Siswi UCAM**

**6. Rakan-rakan media**

**7. Serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian.**

1. Alhamdulillah, marilah kita mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izinNya jua telah mengizinkan saya bertemu hari ini bersama siswa-siswi sekalian dalam Majlis Perasmian Konvensyen Usahawan Siswa (KUS 1.0). Sesungguhnya hari ini merupakan hari yang amat istimewa kerana saya dapat meluangkan masa bersama-sama siswa siswi UCAM dan juga dari institusi lain serta tetamu yang hadir. Terima kasih juga diucapkan kepada masyarakat setempat disekitar Alor Gajah

khususnya di Ayer Paabas ini hadir memeriahkan program kita pada pagi ini.

**Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan/Puan serta para pelajar yang dikasihi,**

2. Inisiatif UCAM bersama-sama beberapa rakan strategik seperti Kerajaan Negeri Melaka, Radio Televisyen Malaysia, INTI

International University & Colleges, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, National Cancer Society of Malaysia, Hospital Besar Melaka dan Kolej Universiti Islam Melaka pada harini menganjurkan Konvensyen Usahawan Siswa (KUS 1.0) merupakan satu kolaborasi terbaik. Dengan menyuntik elemen keusahawanan dalam setiap aktiviti menghidupkan lagi suasana program ini dan menarik lebih ramai siswa-siswa dan masyarakat setempat untuk berkunjung.

3. Saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada UCAM dan rakan strategik pengajur di atas program seumpama ini dan harus dipuji kerana ianya memberikan peluang kepada anak-anak luar bandar untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan serta kebolehan mereka secara positif. Program sebegini juga boleh menjadi platform mendapatkan bantuan serta mempelajari peluang kemahiran melalui pelbagai aktiviti aktiviti yang dianjurkan serta memberi ruang dan galakan kepada siswa-siswi untuk terus

berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

4. Keusahawanan berfungsi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara dan dapat memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk sesebuah negara. Penekanan kementerian juga diberikan kepada bidang keusahawanan penduduk luar bandar melalui program penjana ekonomi agensi-agensi di bawah kementerian.

5. Di samping itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga memperkenalkan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi bertujuan untuk menggalak dan memantapkan pembangunan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan.

6. Bidang keusahawanan semakin menjadi pilihan orang ramai terutamanya golongan belia. Ia bertepatan dengan saranan kerajaan



yang menggalakkan masyarakat untuk menceburi bidang perniagaan dan mengurangkan tahap kebergantungan terhadap bekerja makan gaji.

7. Dibawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, keusahawanan merupakan satu elemen yang sangat penting khususnya dalam menjadi paksi kepada pembangunan luar bandar. Satu *blue-print* Harapan Pembangunan Luar Bandar juga sedang

dirangka serta menjadikan keusahawanan ini sebagai teras utama. Antara strategi yang akan digunakan termasuk mewujudkan *road-map* pembangunan usahawan luar bandar secara sistematik, mewujudkan bank data usahawan, mewujudkan usahawan rantaian dan melahirkan lebih ramai lagi usahawan yang berteraskan teknologi dan inovasi.

8. Beberapa insentif juga dicadangkan dalam memastikan kelangsungan bidang ini. Usahawan-usahawan luar bandar akan

sentiasa diberikan maklumat secukupnya agar mereka tidak ketinggalan dalam mendapatkan informasi mengenai insentif-insentif yang ditawarkan. Dalam masa yang sama, kita mahukan supaya mereka yang menerima insentif-insentif ini menunjukkan perkembangan dan peningkatan positif dalam perniagaan mereka.

9. Kementerian juga turut memperkenalkan pelbagai inisiatif antaranya Mobilepreneur@KPLB sebagai satu platform kepada belia

luar bandar untuk menceburi bidang keusahawanan dengan melibatkan latihan pembangunan usahawan dan bantuan peralatan / motosikal dengan 13 kluster perkhidmatan seperti automotif, elektrik, gunting rambut, spa dan pelbagai lagi.

**Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan/Puan serta para pelajar yang dikasihi,**

10. Konvensyen ini juga dilihat sebagai platform yang terbaik untuk

menjadikan bidang keusahawanan ini sebagai industri yang dipelopori oleh golongan belia pada masa ini. Dengan kemudahan dan akses meluas media sosial, platform ini digunakan dengan baik sehingga ada peniaga online yang berjaya memperoleh jutaan ringgit.

11. Pada hari ini, Kompleks asrama baru UCAM akan dirasmikan. Disamping itu, UCAMpreneur Excellence Centre atau UEC turut dilaksanakan. Ini merupakan satu satu pendekatan baik disediakan

oleh UCAM dalam usaha menyediakan platform bidang keusahawanan ini kepada pelajar. UEC bukan hanya berperanan sebagai pusat rujukan setempat, malahan sebagai *one-stop centre* khususnya kepada pelajar UCAM berkolaborasi bersama fakulti dan pusat lain dalam menyemai, membimbing dan mengaplikasi pembudayaan usahawan dalam kalangan pelajar.

12. RISDA melalui Bahagian Pembangunan Usahawan juga turut memberi sokongan untuk melahirkan lebih ramai graduan usahawan UCAM melalui inisiatif Geran Usahawan Siswazah. Setakat ini RISDA telah memberi bantuan Geran RM 10,000 kepada 10 orang graduan UCAM yang pada masa ini berjaya meraih pendapatan sekurang-kurangnya RM 5,000.00 sebulan.

**Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan/Puan serta para pelajar yang dikasihi,**

13. Adalah menjadi harapan saya agar siswa-siswi UCAM dapat mengambil pengalaman dari program ini untuk menyediakan diri menjadi usahawan yang berjaya pada masa hadapan. Semua pihak perlu bersama-sama menyumbang tenaga dan idea supaya perubahan secara bersepadu dan komprehensive terutamanya dalam era digital dan persekitaran yang kian mencabar yang perlu dihadapi



oleh mahasiswa.

14. Di kesempatan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan tahniah kepada UCAM diatas kejayaan menganjurkan Konvensyen Usahawan Siswa. Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada rakan strategik seperti Kerajaan Negeri Melaka, Radio Televisyen Malaysia, INTI International University & Colleges, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, National Cancer Society of Malaysia, Hospital Besar Melaka dan Kolej

Universiti Islam Melaka Saya berharap siswa-siswi dapat memanfaatkan peluang yang telah diberikan pada hari ni untuk meningkatkan pengetahuan dan mendapat pengalaman dalam bidang keusahawanan dan seterusnya mengembangkan bidang perniagaan terutamanya dalam sektor pertanian.

***Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Konvensyen Usahawan Siswa (KUS 1.0)***

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.